

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

Sikap A.S, Russia memang dijangka — Kadir

KUALA LUMPUR, Rabu — Malaysia tidak terkejut dengan keputusan negara-negara anggota Perjanjian Antartika, termasuk Russia dan Amerika Syarikat, menolak usaha negara ini mahukan benua itu dijadikan warisan bersama seluruh dunia.

Timbalan Menteri Luar, Encik Kadir Sheikh Fadzir berkata, pihaknya telah mengetahui pendirian dan pendapat negara-negara itu serta kumpulan perundingan perjanjian Antartika dan mensifatkannya sebagai bukan perkara baru.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas laporan bahawa 16 buah negara anggota perjanjian itu yang mengadakan mesyuarat kumpulan perundingan di Canberra, Australia menolak usaha Malaysia mengenai benua itu.

Ketua Perwakilan Russia di mesyuarat itu menyatakan bahawa negaranya membantah langkah Malaysia membincangkan isu Antartika di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menjelang akhir bulan ini.

Malaysia mahu benua Antartika yang belum diteroka dan dimaju dijadikan kawasan aman warisan bersama manusia sejagat.

Sokongan

Negara ini dan Antigua-Barbuda, telah menghantar perutusan kepada PBB meminta isu Antartika dimasukkan ke dalam agenda Perhimpunan Agungnya ke-38, mulai 20 September ini.

Encik Kadir menjelaskan, apa yang dilakukan oleh Malaysia di PBB ialah melaksanakan keputusan yang dicapai di Kongres Pergerakan Negara-Negara Berkecuali dengan sokongan 101 negara hadir.

"Pergerakan Negara Berkecuali memutuskan bahawa isu itu harus ditimbulkan di PBB dan usaha kita adalah dalam hubungan itu.

"Oleh itu, kita akan terus membawanya sebagai salah satu perkara dalam agenda perbincangan perhimpunan agung PBB," tegasnya.

Beliau berkata, negara-negara anggota perjanjian itu tidak harus bimbang dengan apa yang diusahakan oleh Malaysia kerana menurutnya, terpulang kepada PBB untuk membincangkannya dengan pihak-pihak dan pertubuhan yang berkaitan bagi mencari satu keputusan yang boleh diterima ke atas Antartika.